

15/08/1997

Piala Perdana tingkat mutu sukan

KOTA KINABALU, Khamis - Kejohanan Badminton Piala Perdana yang dianjurkan setiap tahun banyak menyumbang kepada peningkatan mutu sukan badminton di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kejohanan berkenaan turut meningkatkan semangat perpaduan dan setiakawan di kalangan anggota 13 Badan Kebajikan Isteri Exco Kerajaan Negeri termasuk Badan Kebajikan Isteri Menteri (Bakti) yang mengambil bahagian.

"Penyertaan dan kerjasama seperti ini perlu berterusan bagi memastikan hubungan baik terus wujud dan diperkukuhkan di kalangan organisasi yang mengambil bahagian," katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena Kejohanan Badminton Piala Perdana yang berlangsung di Kompleks Sukan Likas selama empat hari mulai esok.

Dr Mahathir berkata, kesempatan yang ada sesuai untuk menjalin persahabatan dan saling berhubung di antara satu sama lain bukan saja mengenai perkara yang berkaitan dengan organisasi, tetapi juga hubungan yang membawa faedah bersama.

Beliau dijangka menyampaikan hadiah kepada pemenang di majlis penutupan kejohanan itu 17 Ogos ini sempena lawatan tiga hari ke Sabah mulai Sabtu ini.

Sementara itu, isteri Yang Dipertua Bakti, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, di sini hari ini untuk menyertai kejohanan itu.

Sejurus tiba, beliau mengadakan jamuan tengah hari kepada lebih 300 peserta yang mengambil bahagian, di Restoran Sri Rafflesia di lapangan terbang itu.

Pada majlis itu, Dr Siti Hasmah turut melancarkan kempen mengibar bendera Malaysia sempena sambutan ulang tahun kemerdekaan negara ke-40 yang ditaja oleh Restoran Sri Rafflesia.

Turut hadir Yang Dipertua Bakisa merangkap isteri Ketua Menteri Sabah, Datin Stella Yong dan Pengarah Eksekutif Restoran Sri Rafflesia, Md Afendi Hamdan.

(END)